

22 FEB 2003

NAM: PEMIMPIN MULA KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 22 Feb (Bernama) -- Beberapa pemimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang kini berada di Malaysia untuk menghadiri sidang kemuncak pergerakan berkenaan mula mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kunjungan itu dimulakan oleh Perdana Menteri Jamaica P.J. Patterson dan Timbalan Perdana Menteri Vanuatu, Serge Vohor.

Setiap pemimpin meluangkan kira-kira 30 minit bersama Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran Malaysia kira-kira 40 minit perjalanan dari Kuala Lumpur.

Sidang Kemuncak NAM ke-13, yang bermula dua hari lepas, akan berakhir dengan mesyuarat ketua-ketua negara atau kerajaan NAM pada Isnin dan Selasa.

Tanda-tanda menunjukkan sejumlah besar pemimpin yang mengesahkan penyertaan mereka dalam pertemuan di Kuala Lumpur itu tidak mahu melepaskan peluang untuk mengadakan perbincangan dua hala atau mengunjungi Dr Mahathir.

Selain perkara-perkara dua hala, mereka dijangka bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu semasa yang berlaku di dunia.

Malaysia akan mengambil alih jawatan pengerusi NAM yang mengandungi 114 anggota iaitu organisasi terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Isnin ini.

-- BERNAMA

SR MAM JK ROS